

05 JUN 2000

Polis-Acheh

POLIS TAWAR RM5,000 BAGI MAKLUMAT PEMBUNUHAN TEUKU

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Polis hari ini menawarkan RM5,000 kepada pemberi maklumat yang dapat membantu menyelesaikan kes pembunuhan pemimpin pemisah Acheh, Teuku Don Zulfahri pada Khamis lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor SAC II Mangsor Ismail berkata, orang ramai yang melihat kejadian dan mereka yang mengenali ketiga-tiga lelaki yang duduk semeja ketika mangsa ditembak diminta tampil membantu polis.

Dalam kejadian pada 2.30 petang itu, Teuku Don, setiausaha agung Gerakan Acheh Merdeka (GAM) yang duduk semeja dengan tiga lagi lelaki di sebuah restoran di Jalan 6/6, Pandan Perdana ditembak oleh seorang lelaki yang memakai topi keledar.

"Tiga lelaki yang duduk semeja dengan mangsa melarikan diri selepas kejadian itu. Identiti dan sama ada mereka warga Malaysia ataupun Indonesia belum dapat dikenal pasti," katanya kepada pemberita di sini.

"Berdasarkan maklumat daripada saksi-saksi yang melihat kejadian, penembak berkenaan yang menggunakan senjata jenis revolver itu berbadan tegap dan mempunyai ketinggian lebih kurang 5 kaki 5 inci," katanya lagi.

"Lelaki itu melarikan diri melalui pintu belakang dan menaiki sebuah kereta jenis Honda Civic berwarna biru".

Mangsa yang turut dikenali sebagai Habib Adam, 40, mati di tempat kejadian akibat kecederaan di bahagian belakang kepala dan tangan.

Ketika ditanya mengenai status kewarganegaraan mangsa, Mangsor berkata polis mengenalpastinya sebagai warga Indonesia manakala isterinya Puteri Mei Abdullah pula adalah warga Malaysia.

"Kita telah pun mengambil keterangan daripada isteri mangsa dan polis masih meneruskan siasatan," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangannya kemungkinan berlaku fenomena menggunakan khidmat pembunuh upahan di negara ini dan berkata polis telah diarah menyiasat kemungkinan itu.

Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas soalan wartawan mengenai pembunuhan pemimpin GAM itu, berkata:"Kita tidak hendak (ada) orang-orang yang diupah untuk membunuh musuh-musuh politik. Ini bukan budaya kita," katanya.

-- BERNAMA

MS MRA AHH